

Isu urus banjir: PAC akan panggil Kementerian Wilayah

KUALA LUMPUR - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil Kementerian Wilayah Persekutuan bagi memulakan prosiding berhubung pengurusan mitigasi banjir Kuala Lumpur bernilai RM329.33 juta.

Ia berikutan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2021 Siri 1 yang merumuskan bahawa pengurusan mitigasi banjir Kuala Lumpur masih belum mencapai objektif yang ditetapkan.

Pengerusi PAC, Wong Kah Woh bagaimanapun berkata, pihaknya belum mempunyai tarikh untuk memanggil saksi daripada Kementerian Wilayah Persekutuan berkenaan.

Jelasnya, saksi yang akan dipanggil ialah Menteri

Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim; Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

“Kebiasaannya saksi yang pertama akan dipanggil ialah Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan dalam kes itu, kita juga memanggil menteri untuk memberi keterangan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di bangunan Parlimen pada Rabu.

**>> LAGI BERITA LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DI HALAMAN 29**